

**KEMAHIRAN INTERPERSONAL DALAM KALANGAN GRADUAN PERIBUMI
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS TENGGU AMPUAN AFZAN****Khairuddin Said, Kamarrul Arifin Abdul Rahman & Abd Jamil Sabdin**

Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

*drkhaisaid@gmail.com***Abstrak**

Penyelidikan ini dibuat bertujuan untuk mengesan kemahiran interpersonal guru peribumi Ambilan Khas Tahun 2010 selepas setahun ditempatkan di sekolah-sekolah murid Orang Asli di negeri Pahang dan Kelantan. Reka bentuk kajian kualitatif ini menggunakan instrumen kutipan data utama melalui temubual, pemerhatian dan semakan dokumen. Terdapat empat konstruk utama menjadi asas dalam kajian ini meliputi hubungan guru dengan pentadbir, rakan sejawat, murid dan ibubapa. Analisis data pula menggunakan kaedah manual dan perisian NVivo 11 yang sesuai untuk mendapatkan dapatan yang diperlukan. Dapatan menunjukkan bahawa graduan peribumi berjaya mewujudkan hubungan interpersonal yang tinggi dalam semua aspek yang dinilai. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan pelaburan besar yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui program Ambilan Khas pelajar Orang Asli di IPGKTAA telah memberi implikasi kepada kemenjadian guru di sekolah murid Orang Asli. Justeru, program ini sewajarnya diteruskan.

Katakunci: Interpersonel, murid Orang Asli, IPGKTAA, Ambilan Khas

1.0 PENDAHULUAN

Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA) bertanggungjawab melaksanakan Program Pembangunan Pendidikan Orang Asli dan Peribumi. Projek Rangkaian Gerbang Titiwangsa di bawah Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi Kebangsaan (PKPPK) adalah wawasan pendidikan bagi merapatkan jurang pencapaian prestasi murid serta peluang pengajaran dan pembelajaran bagi murid kumpulan minoriti di kawasan pedalaman.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah mengambil langkah positif dengan melakukan pengAmbilan Khas pelajar Orang Asli untuk mengikut Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PSIMP). Sebagai sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang dijadikan inkubator bagi menyediakan program latihan praperkhidmatan dan latihan dalam perkhidmatan serta menjadi pusat kajian yang menjurus kepada pendidikan Orang Asli dan Peribumi maka Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA) telah mengambil langkah proaktif bagi melaksanakan tujuan tersebut agar pembinaan kurikulum peribumi, pengetahuan tentang cara pembelajaran peribumi merupakan elemen penting yang perlu diambil perhatian. PengAmbilan Khas pelajar dalam kalangan Orang Asli dan latihan guru yang disediakan sepatutnya mampu memberi impak yang baharu kepada sesebuah sekolah murid Orang Asli dan persekitarannya.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) mewujudkan program latihan praperkhidmatan khusus bagi melatih guru-guru untuk sekolah murid Orang Asli, dengan pendedahan kepada sosio-budaya dan bahasa masyarakat Orang Asli dan Pedalaman, dan seterusnya memberikan penekanan kepada pedagogi peribumi (*indigenous pedagogy*). Justeru, Ambilan Khas guru pelatih Orang Asli kohort pertama telah dilaksanakan mulai Jun 2010 sehingga kini di IPGKTAA, Kuala Lipis, Pahang (Rujuk Jadual 1).

Jadual 1: *Data pelajar Ambilan Khas PPSIMP Orang Asli di IPGK TAA*

Tahun	Bilangan (orang)
2010	10
2011	Tiada ambilan
2012	25
2013	14
2014	29
2015	15
2016	16
2017	16

2.0 ULASAN LITERATUR

Pendidikan diertikan sebagai *“the knowledge or skill obtained”*. Dalam mendefisikan pendidikan dalam konteks negara, rujukan utama berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk memastikan kemenjadian murid iaitu, melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara. Dalam memastikan kemenjadian murid, secara prinsip masyarakat melihat kepada guru. Pelbagai persoalan yang timbul iaitu institusi yang melatih guru, kemahiran yang diberikan kepada guru-guru serta kemampuan untuk menterjemah teori dan amali dalam persekitaran lapangan sebenar iaitu dalam bilik darjah di sekolah. Ini kerana kekuatan guru yang mendidik perlu ditransformasikan dari sudut sikap, nilai dan kompetensi agar matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu bergerak seiring antara kecemerlangan guru dan kemenjadian murid.

Kajian lampau membuktikan bahawa guru-guru perlu memiliki pengetahuan pedagogikal kandungan untuk membolehkan mereka menjadi guru yang efektif. (Clermont et al., 1994; Cochran et al 1993; Shulman,1987). Menurut Atef al-Tamimi dan Munir (2010), guru yang mempunyai hubungan baik serta boleh membimbing dan membantu murid-murid dalam pencapaian akademik serta bersikap mesra kepada murid-murid berupaya menarik minat murid untuk belajar. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi, keselesaan, keseronokan dan sikap murid untuk belajar.

Slavin (1994) menekankan kualiti pengajaran guru bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Manakala Pullias dan Young (1982) pula menegaskan guru adalah segala-galanya dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Dalam bidang pendidikan kedua-dua jenis komunikasi ini memainkan peranan yang penting dan perlu diberi penekanan oleh setiap guru dalam pengajaran. Hal yang demikian kerana guru bukan sahaja bercakap untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar malah, menurut Moore (2001) guru juga kadangkala menyampaikan maklumat melalui perbagai cara termasuk gerak tubuh seperti penggunaan suara, ekspresi muka, cara guru melihat, berdiri dan menggunakan sesuatu perkataan, penggunaan ruang dan sebagainya. Sehubungan itu, guru yang berupaya menguasai bahasa murid-murid Orang Asli melalui ungkapan atau kata tugas yang pendek memudahkan guru-guru mewujudkan interaksi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dengan murid-murid serta menyampaikan maklumat yang berkaitan pendidikan anak-anak kepada ibu bapa murid-murid walaupun berlainan suku kaum dan kefahaman budaya.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang diluluskan pada Ogos 2008 membolehkan Institut Pendidikan Guru (IPG) melaksanakan latihan perguruan di peringkat Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) selama 5 tahun. Bagi memastikan setiap warganegara mempunyai akses kepada pendidikan berkualiti tanpa mengira lokasi, keturunan dan warna kulit maka Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Melalui konsep pendidikan untuk semua dalam teras merapatkan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar, maka pemeraksanaan latihan dan institusi latihan guru turut menjadi teras tumpuan.

Melalui pemeraksanaan pendidikan selaras dengan menaik taraf latihan perguruan, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA) telah dipilih sebagai '*niche area*' dalam kebitaraan pedagogi peribumi dan diberi tanggungjawab untuk melatih masyarakat Orang Asli berkhidmat sebagai guru seterusnya ditempatkan di sekolah-sekolah murid Orang Asli melalui program Ambilan Khas guru-guru untuk masyarakat Orang Asli.

Pengambilan pelajar kohort pertama pada 2010 telah berjaya menamatkan pengajian PISMP pada Disember 2015 dan ditempatkan di sembilan buah sekolah murid Orang Asli di negeri Kelantan dan Pahang mulai Ogos 2016. Selepas tempoh setahun penempatan, IPGKTAA tidak mempunyai maklumat tentang perkembangan guru tersebut. Oleh itu, satu kajian pengesanan perlu dilakukan untuk mendapatkan data sebagai satu eviden yang kukuh tentang keberkesanan program tersebut. Keberkesanan program tersebut bukan sekadar memberi implikasi kepada pihak IPGM yang menyediakan kursus bahkan kepada pihak berkepentingan.

4.0 OBJEKTIF


Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai objektif untuk:

- 1) mengesan ketekalan kompetensi interpersonal guru Ambilan Khas Tahun 2010.
- 2) mengenalpasti nilai tambah kompetensi interpersonal yang berjaya dihasilkan oleh guru-guru Ambilan Khas Tahun 2010.

5.0 SOALAN KAJIAN

- 1) Sejauhmanakah amalan professional guru Ambilan Khas Tahun 2010 tekal?
 - i. Adakah kompetensi interpersonal dan intrapersonal guru Ambilan Khas Tahun 2010 tekal?
 - ii. Adakah sikap dan sahsiah guru Ambilan Khas Tahun 2010 tekal?
- 2) Apakah nilai tambah kompetensi interpersonal yang berjaya dihasilkan oleh guru-guru Ambilan Khas Tahun 2010?

6.0 KERANGKA KONSEP KAJIAN



Rajah 1, *Kerangka konsep kajian pengesanan kemahiran interpersonal*

7.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian kes yang bertujuan untuk menjana maklumat mengenai perkembangan graduan Orang Asli IPGKTAA yang telah ditempatkan selama setahun di sekolah-sekolah murid Orang Asli. Creswell (1998) mencadangkan bahawa soalan penyelidikan yang bermula dengan “bagaimana” dan “apa” boleh diklasifikasikan sebagai tergolong dalam kajian kualitatif.

7.1. Peserta Kajian

Peserta kajian ini adalah seramai 3 orang graduan Ambilan Khas pelajar Orang Asli pada Januari 2010. Mereka terdiri daripada pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam bidang Pendidikan Prasekolah pada tahun 2015. Penempatan mereka di sekolah-sekolah murid Orang Asli di negeri Kelantan dan Pahang bermula Ogos 2016. Seramai 2 orang daripada mereka bertugas di sekolah-sekolah dalam Jajahan Gua Musang, Kelantan. Manakala 1 orang lagi sedang bertugas dalam daerah Pekan dan Rompin di negeri Pahang. Mereka telah bertugas di sekolah-sekolah tersebut dalam tempoh setahun.

7.2 Prosedur Pengumpulan Data

Penggunaan pelbagai kaedah dalam pengumpulan maklumat perlu untuk memperoleh dapatan yang tekal dan keputusan yang lebih tepat (Chadwick et al., 1984; Fontana & Frey, 1998). Sehubungan itu, kutipan data kajian dilaksanakan menggunakan tiga kaedah utama iaitu temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Temubual digunakan kerana merupakan suatu perbualan yang bermatlamat untuk mengetahui perkara yang ada dalam minda orang lain (Berg:2001) dan juga usaha memahami pengalaman orang lain dan makna yang diberikan kepada pengalaman tersebut. (Klave:1996). Maklumat yang diberikan adalah mengikut perspektif mereka dan sekiranya maklumat itu berkenaan sesuatu yang telah berlalu, kualiti maklumat itu bergantung pada sejauh mana mereka masih ingat dan mahu berkongsi maklumat tersebut. Kaedah ini menggunakan temubual separa struktur sesuai dengan keperluan untuk mendapat data yang diperlukan berdasarkan teori yang digunakan.

Seterusnya, kaedah pemerhatian telah lama digunakan dalam penyelidikan sosial (Flick, 2002) digunakan agar peserta kajian tidak perlu memberitahu sesuatu berkenaan dirinya daripada perspektif mereka tetapi dilihat oleh orang lain. Kaedah ini amat sesuai untuk mengkaji perkara berkaitan dengan persekitaran fizikal, persekitaran sosial, aktiviti formal dan

tak formal serta tingkah laku peserta kajian, komunikasi bukan lisan dan memerhati perkara yang sedang berlaku dalam kalangan peserta kajian. Tindakan ini amat perlu sebagai langkah-langkah untuk meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan kaedah kutipan data. Semasa melakukan pemerhatian, bantuan alat teknologi moden seperti video, perakam dan dibuat nota lapangan. Pemerhatian tanpa struktur dan pemerhatian separa struktur telah digunakan dengan berkesan dan pemerhatian dilakukan tanpa pengkaji turut serta. Untuk memastikan kutipan data mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, kajian ini menggunakan dokumen-dokumen berkaitan sebagai sumber maklumat atau data. Teks yang dihasilkan sama ada bercetak terutamanya buku Persediaan Mengajar, surat-surat, sijil-sijil dan bahan berbentuk gambar foto peserta kajian telah digunakan oleh pengkaji.

7.3 Prosedur Pemerhatian dan Analisis Data

Analisis temubual dilakukan menggunakan analisis bertema berasaskan perkataan dan berasaskan kod, serta penggunaan beberapa strategi analitik yang digunakan untuk analisis kandungan temubual. Proses induktif digunakan untuk membuat analisis kandungan terhadap dokumen yang berkaitan seperti Buku Rekod Mengajar dan bahan-bahan bantu mengajar yang digunakan. Data yang dikumpulkan dianalisis melalui analisis kandungan (content analysis). Melalui analisis ini, kategori utama atau tema bagi intrapersonal dalam kalangan guru pelatih semasa proses pengajaran pembelajaran dikenal pasti. Seterusnya analisis terhadap pemerhatian tanpa berstruktur dan separa struktur terhadap amalan guru dan persekitaran pengajaran dan pemudahcaraan dilakukan berdasarkan kategori dan tema yang telah ditentukan secara teratur. Penggunaan lebih daripada satu sumber maklumat ini dikenali sebagai triangulation (Brewer & Hunter, 1989; Balk, 1995).

8.0 DAPATAN

Kemahiran interpersonal merupakan keupayaan seseorang untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka. Menurut Teori Multiple Intelligences (Gardner, 1993), kemahiran interpersonal didefinisikan sebagai keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami mereka. Terdapat enam kategori kemahiran interpersonal iaitu keupayaan untuk menerima perasaan dan idea, bertanya soalan, menyampaikan maklumat dan pertunjuk dan yang paling penting ialah kemahiran komunikasi. Kemahiran interpersonal juga boleh memahami perasaan mereka. Terdapat enam kategori kemahiran interpersonal iaitu keupayaan untuk menerima perasaan dan idea, bertanya soalan, menyampaikan maklumat dan pertunjuk dan yang paling penting ialah kemahiran berkomunikasi. Sebagai kesimpulannya kemahiran interpersonal juga merupakan kemahiran individu itu bersosial, bergaul atau berhubung komunikasi. Kemahiran ini juga didefinisikan sebagai keupayaan untuk berinteraksi dengan orang lain dan memahami orang lain.

Bil	Item	Ya %	Tidak %
1	Menunjukkan kesungguhan dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah	100	
2	Menunjukkan kemampuan untuk menghadapi cabaran di sekolah	100	
3	Mengamalkan nilai-nilai murni dalam pelaksanaan tugas harian di sekolah	100	
4	Boleh bekerjasama secara berpasukan dalam pelaksanaan tugas P&P di sekolah	100	
5	Menunjukkan penampilan diri yang sesuai dengan profesion keguruan	100	
6	Menunjukkan kemahiran interpersonal yang baik semasa berinteraksi di sekolah	100	
7	Menunjukkan amalan proaktif dalam pelaksanaan tugas di sekolah	90	10
8	Menunjukkan disiplin ketika melaksanakan tugas	100	

9	Menunjukkan keikhlasan dengan bekerja	100	
10	Berusaha untuk menambahbaik dalam melaksanakan tugas di sekolah	90	10
11	Menghasilkan kerja yang berkualiti dalam waktu yang ditetapkan	90	10
12	Memberi sumbangan dengan rela hati	100	
13	Menunjukkan kemampuan untuk mengurus beban kerja	90	10
14	Menunjukkan teladan yang baik kepada murid	100	

n= 10 orang

Jadual 2: *Penguasaan kemahiran interpersonal guru Orang Asli*

Jadual di atas menunjukkan data pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap 10 orang peserta kajian Guru Ambilan Khas Orang Asli. Daripada analisis yang telah di buat mendapati mereka ini mempunyai kemahiran interpersonal yang tinggi. Data menunjukkan setiap item mendapat skor yang tinggi kecuali beberapa item iaitu item 7, 10, 11 dan 13. Manakala item-item lain menunjukkan pencapaian 100%. Daripada data ini dapatlah disimpulkan bahawa kemahiran interpersonal guru-guru ini adalah diperingkat yang amat baik.

Bagi menjawab soalan kajian tentang kamahiran interpersonal guru Ambilan Khas Orang Asli di sekolah murid Orang Asli di negeri Kelantan dan Pahang ini pengkaji telah memungut data dengan menemubual Guru Besar dan Guru Penolong Kanan di sekolah-sekolah guru tersebut. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan metod analisis data kualitatif. Enam tema yang terhasil daripada temu bual tersebut adalah: (1) perasaan (2) idea; (3) soalan; (4) maklumat; (5) petunjuk; dan (6) komunikasi.

Perasaan

Berdasarkan temubual pengkaji dengan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan guru-guru tersebut, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua Guru Besar yang ditemubual menyatakan mereka berkeupayaan untuk menerima perasaan orang lain. Antara temubual yang dilakukan ialah:

Pengkaji : Pada pendapat cikgu adakah guru ini berupaya untuk menerima perasaan orang lain?

GB : Ya saya lihat beliau sering memberi galakan dan memujuk pelajar yang bersedih.

(GB1: Temu bual 1)

Pengkaji : Pada pendapat cikgu adakah guru ini berupaya untuk menerima perasaan orang lain?

GB : Hmmm saya rasa (sambil senyum) cikgu ini seorang yang mudah memahami perasaan dan keperluan murid-muridnya

(GB3: Temu bual 1)

Kebolehan mereka memahami perasaan murid-murid Orang Asli membolehkan mereka memujuk murid-murid Orang Asli ini untuk datang ke sekolah. Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa kebolehan guru-guru ini memahami perasaan murid-murid dapat membantu mereka untuk memotivasikan murid-murid ini untuk datang ke sekolah dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik murid-murid tersebut.

Guru Ambilan Khas ini mempunyai komitmen tinggi terhadap PdPc. Namun begitu guru mempunyai perasaan malu cuba menyelesaikan sendiri masalah tersebut atau merujuk dengan guru yang lebih senior untuk meminta nasihat (GB, temubual1). Guru tersebut mengambil berat masalah muridnya. Untuk mengeratkan hubungannya dengan murid, beliau sering menziarahi keluarga murid untuk mengenal lebih dekat keluarga dan masalah yang murid beliau hadapi semasa PdPc (GB2, temubual). Guru selalu menziarahi keluarga murid untuk bertanya khabar. Murid bergantung kepada guru sebagai sumber motivasi. Unsur-unsur galakan seperti sentuhan dengan menepuk bahu murid dilihat dapat memberi galakan kepada murid untuk menjawab soalan. Keadaan ini dapat memotivasikan murid supaya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran (Habibah, Zaidatul & Rahil, 1995). Hubungan yang sangat baik dengan murid dapat dilihat melalui cara melayan dengan mesra semua murid di dalam kelas. Bahasa yang digunakan juga agak lembut dan sangat disenangi murid-murid. (GPK2:Pemerhatian)

Idea

Dari temubual yang telah dilaksanakan terhadap pentadbir sekolah didapati guru-guru ini sentiasa dapat menerima idea pentadbir sekolah dan guru-guru lain di sekolah. Mereka jua sering bertanya untuk mendapatkan idea-idea baru.

Pengkaji : Adakah guru-guru ini dapat menerima idea-idea baru yang diberikan oleh pihak pentadbir dan guru-guru lain?

GB : Guru ini pada pandangan saya mudah untuk menerima idea pentadbir atau guru-guru lain.emm. banyak juga idea yang dia terima dari rakan-rakan terutamanya dalam menceriakan bilik darjah..

(GB3: Temu bual 1)

Pengkaji : Adakah guru-guru ini dapat menerima idea-idea baru yang diberikan oleh pihak pentadbir dan guru-guru lain?

GB : Saya dapati guru ini sering meminta idea dalam PdPC daripada guru-guru lama.Ini dapat dilihat semasa mesyuarat guru atau mesyuarat panatia.

(GB2: Temu bual 1)

Selain itu guru-guru ini juga sering meminta idea dan pandangan untuk menambah ilmu dan pengalaman mereka dalam menangani masalah disiplin pelajar. Merka juga banyak mendapatkan sumbangan idea daripada guru-guru yang berpengalaman bagi melancarkan tugas-tugas rutin guru di sekolah.

Soalan

Daripada data temubual yang telah dibuat menunjukkan guru-guru Orang Asli ini mampu untuk bertanya soalan yang berkualiti kepada pihak-sekolah.Situasi ini dapat dibuktikan melalui temubual yang telah dibuat terhadap Guru Besar mereka.

Pengkaji : Adakah guru-guru ini sering bertanya soalan yang berkualiti kepada pihak sekolah?

GB : Ya...banyak juga soalan tentang perkhidmatan yang ditanya oleh guru ini..

(GB1: Temu bual 1)

Pengkaji : Adakah guru-guru ini sering bertanya soalan yang berkualiti kepada pihak sekolah?

GB : Saya ada juga beberapa kali menjawab soalan yang baik daripada guru ini. Antara soalan yang ditanyanya adalah bagaimana kita dapat membantu murid-murid Orang Asli untuk meningkatkan pencapaian mereka?.Saya rasalah soalan bagus.

(GB2: Temu bual 1)

Soalan-soalan yang baik daripada guru-guru ini dapat meningkatkan kemahiran interpersonal mereka, dengan bertanya banyak soalan dapat meningkatkan kualiti keprofesionalan keguruan mereka.

Maklumat

Guru-guru ini secara keseluruhannya mempunyai kebolehan menyampaikan maklumat dengan baik kepada murid, pentadbir dan rakan guru. Maklumat yang disampaikan mudah difahami. Kebolehan mereka bertutur dalam bahasa setempat membolehkan mereka memahami mesej yang ingin disampaikan oleh murid dan ibubapa mereka.

Pengkaji : Adakah guru-guru ini mempunyai kemahiran untuk menyampaikan maklumat dengan baik?

GB : Saya dapati guru ini mempunyai kemahiran yang baik dalam menyampaikan maklumat. Penyampaian maklumat yang baik telah meningkatkan prestasi murid-muridnya.

(GB4: Temu bual 1)

Pengkaji : Adakah guru-guru ini mempunyai kemahiran untuk menyampaikan maklumat dengan baik?

GB : Penyampaian maklumat dan penerangan yang baik oleh guru ini kepada ibu bapa murid dapat meningkatkan kehadiran murid-murid Orang Asli ini ke sekolah.

(GB2: Temu bual 1)

Kebolehan menyampaikan maklumat dengan baik dan berkesan dapat membantu guru-guru ini menjalin hubungan yang mesra dengan masyarakat setempat. Kebolehan menyampaikan maklumat yang baik kepada rakan sejawat membolehkan mereka dapat di terima di dalam komuniti sekolah.

Petunjuk

Dari hasil temubual yang telah di buat mendapati guru-guru ini dapat memberi petunjuk yang baik kepada murid-muridnya. Kemahiran memberi petunjuk yang baik membolehkan murid-murid mudah untuk menguasai sesuatu kemahiran dalam pembelajaran mereka.

Pengkaji : Pada pendapat cikgu adakah guru ini dapat menyampaikan petunjuk kepada murid-muridnya dengan baik?

GB : Saya dapati guru ini mempunyai kemahiran yang baik dalam menyampaikan maklumat. Penyampaian maklumat yang baik telah meningkatkan prestasi murid-muridnya.

(GB1: Temu bual 1)

Pengkaji : Pada pendapat cikgu adakah guru ini dapat menyampaikan petunjuk kepada murid-muridnya dengan baik?

GB : Penyampaian maklumat serta petunjuk yang baik oleh guru ini kepada ibu bapa murid dapat meningkatkan kehadiran murid-murid Orang Asli ini ke sekolah.

(GB3: Temu bual 1)

Kebolehan memberi petunjuk yang baik juga menyebabkan hubungan guru-guru ini dengan murid dapat dijalinan dengan cepat dan mesra. Perhubungan dengan ibu bapa juga dapat dieratkan. Maklumat yang mudah difahami dan diperolehi oleh ibu bapa dapat membantu guru ini melaksanakan tugasnya lebih berkesan.

Komunikasi

Hasil daripada temubual ini juga di dapati guru-guru ini dapat menguasai kemahiran komunikasi dengan amat baik dengan pelajar mereka. Mereka dapat menyampaikan pengajaran dengan baik. Komunikasi dengan pentadbir, rakan sejawat serta masyarakat juga berada di dalam keadaan yang baik.

Pengkaji : Menurut cikgu bagaimanakah tahap komunikasi guru-guru ini dengan murid-murid, pentadbir, rakan sejawat dan masyarakat?

GB : Saya berpendapat bahawa guru-guru ini mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik. Mereka dapat menyampaikan pengajaran dengan baik dan murid-murid dapat memahami pengajaran yang diajar. Mereka juga boleh berkomunikasi dengan baik terhadap pentadbir, rakan sejawat dan juga masyarakat.

(GB2: Temu bual 1)

Pengkaji : Menurut cikgu bagaimanakah tahap komunikasi guru-guru ini dengan murid-murid, pentadbir, rakan sejawat dan masyarakat?

GB : Guru ini dapat berkomunikasi dengan baik terhadap pelajarnya dan bersopan santun dengan pihak pentadbir. Saya perhatikan beliau juga pandai bergaul dan berkomunikasi dengan guru-guru lain serta masyarakat sekeliling

(GB4: Temu bual 1)

Kemahiran berkomunikasi yang baik dapat mempertingkatkan keyakinan diri guru-guru ini. Melalui keyakinan diri yang tinggi dapat guru-guru ini menambah keberanian untuk mencuba perkara yang baru.

9. PERBINCANGAN

Melalui kajian yang telah dilaksanakan terhadap guru-guru Ambilan Khas ini didapati secara keseluruhannya guru-guru ini mempunyai kemahiran interpersonal yang amat baik dan komitmen yang tinggi terhadap PdPc. Mereka mempunyai daya tahan yang tinggi serta masih

bersemangat untuk membantu serta membimbing murid-murid pra dalam memperkembangkan potensi diri walaupun terdapat halangan dan masalah sampingan. Guru-guru ini juga sentiasa mengambil berat tentang masalah dan keperluan murid-muridnya. Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru Ambilan Khas ini dapat menyampaikan pengajaran dengan baik dan dapat menguasai kemahiran komunikasi.

Hubungan yang sangat baik dengan murid dapat dilihat melalui cara melayan dengan mesra semua murid di dalam kelas. Bahasa yang digunakan juga agak lembut dan sangat disenangi murid-murid. Guru baharu ini juga mengambil berat masalah murid-muridnya. Bagi mengeratkan hubungan guru baharu dengan murid, mereka sering menziarahi keluarga murid untuk mengenal lebih dekat keluarga dan masalah yang dihadapi oleh murid semasa PdPc dan juga dirumah.

Dapatan kajian juga menunjukkan guru-guru Ambilan Khas ini mempunyai semangat dan daya tahan yang amat tinggi bagi mencapai hasrat memajukan masyarakat Orang Asli. Mereka sanggup tinggal bersama-sama masyarakat setempat di pedalaman Negeri Kelantan yang serba kekurangan dari segi infrastruktur. Guru ini juga dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sukar dan berjaya menjalin hubungan yang amat baik dengan murid-murid dengan mengadakan program santai bersama guru dan murid pada hujung minggu.

Mereka juga dapat menjalin hubungan yang baik dengan kaki tangan sekolah ini dapat dibuktikan dengan penglibatannya sebagai ahli jawatankuasa kelab guru dan kakitangan sekolah. Hubungan dengan ibubapa juga amat baik dan secara keseluruhannya guru-guru ini diterima dalam kelompok masyarakat Orang Asli setempat. Hubungan yang erat dan diterima ini membolehkan mereka mengadakan lawatan ke rumah-rumah bagi mengetahui permasalahan anak-anak mereka yang tidak hadir ke sekolah. Penerimaan masyarakat di sini juga amat baik mereka sering dijemput ke rumah-rumah penduduk apabila adanya majlis-majlis keramaian. Hubungan yang amat baik dengan masyarakat adalah disebabkan oleh kebolehan guru-guru ini menguasai bahasa dan budaya mereka.

Dapatan kajian ini terhadap kemahiran interpersonal didapati guru-guru Ambilan Khas ini mempunyai motivasi yang amat tinggi terhadap tugas mereka ini dapat dibuktikan mereka sanggup menghadapi jalan-jalan masuk yang sangat mencabar dan sangat merbahaya. Kekuatan dan semangat yang tinggi membolehkan mereka menghadapi cabaran hidup yang sukar di kawasan pedalaman dengan kemudahan yang serba kekurangan. Keinginan untuk berbakti kepada kaum mereka sendiri menyebabkan mereka melupakan kehidupan yang lebih selesa. Kekuatan pengawalan emosi juga dapat dilihat dalam kalangan guru-guru Ambilan Khas ini, walaupun ditempatkan di kawasan yang jauh dari keluarga mereka namun mereka dapat menjalankan tugas yang diberi dengan baik. Kebanyakan guru ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan baik mereka juga tidak mencampurkan masalah peribadi dengan masalah pekerjaan. Situasi ini menunjukkan bahawa pengurusan emosi dalam kalangan guru-guru ini berada dalam keadaan yang baik. Hasil kajian Teven (2007) turut mendapati bahawa tingkah laku yang bersesuaian serta komunikasi yang mengambil berat terhadap pelajar, turut menyumbang kepada kepercayaan terhadap guru serta dapat mengarah. Hal ini menunjukkan elemen komunikasi guru berperanan dalam mempengaruhi kejayaan akademik seseorang pelajar.

Dapat melihat kekuatan diri dan akan mengekalkan serta menambah baik lagi niali peribadi. Menurut Atan (1988) terdapat tiga aspek utama dalam pembentukan seorang guru yang berkualiti; iaitu sahsiah guru, pengetahuan guru dan juga kemahiran komunikasi yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dari sesi temubual dan pemerhatian guru ini, penampilan diri yang amat baik, berperkerti tinggi dan sesuai sebagai guru pra sekolah. Mereka sentiasa prihatin dengan keperluan murid-muridnya. Salah seorang daripada mereka merupakan seorang warden asrama yang

sangat perihatin terhadap pelajarnya. Beliau menyediakan bahan perapian seperti sabun, bedak dan minyak rambut kepada pelajar asrama dengan perbelanja sendiri. sentiasa menunjukkan sifat penyanyang yang tinggi sentiasa mengambil berat tentang keperluan pelajarnya dengan selalu beramah mesra dengan murid-muridnya di asrama. Guru ini juga menunjukkan sikap profesional yang baik tidak mencampurkan adukakan masalah peribadi dengan urusan pekerjaan.

Guru merupakan seorang yang bersemangat dan mempunyai daya tahan yang tinggi serta masih bersemangat untuk membantu serta membimbing murid-murid pra dalam memperkembangkan potensi diri yang ada pada murid-murid walaupun ada halangan dan masalah sampingan. Guru juga menyediakan bahan2 berhias (make up) dan murid sangat gembira. Akhirnya, murid tersebut lebih kemas daripada murid arus perdana. Walaupun pada asasnya kebanyakan murid-murid di kawasan Gua Musang mempunyai bau badan yang kuat. Guru merasa sangat puas hati.

10. PENUTUP

Kajian ini menunjukkan bahawa kompetensi peserta kajian berada di tahap yang baik. Hal ini kerana mereka berjaya memenuhi semua teras yang diperlukan dalam kompetensi guru. Keupayaan guru-guru Ambilan Khas membentuk persekitaran pembelajaran dengan kerjasama yang erat daripada warga sekolah, kepimpinan masyarakat, ibu bapa murid Orang Asli, keperibadian yang baik daripada guru-guru Ambilan Khas Orang Asli merupakan elemen penting yang harus diketengahkan bagi memastikan guru-guru Ambilan Khas yang lain bukan sahaja perlu menguasai pedagogikal kandungan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran tetapi kemahiran kemahiran yang lain sebagai nilai tambah dalam usaha 'menangkap hati' murid-murid Orang Asli untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran seterusnya hadir ke sekolah.

Rujukan

Teven, J. J. (2007). Teacher caring and classroom behavior: Relationships with student affect and perceptions of teacher competence and trustworthiness. *Communication Quarterly*, 55, 433–450.)

Atan Long. (1988). Psikologi pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Habibah Elias, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Rahil Mahyuddin. (1995). Persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 14, 1–9.)

Brewer, J. dan Hunter, A. (1989). *Multimethod research: A synthesis of styles*. Newbury Park, CA: SAGE Publications.

Chadwick, B. A., Bahr, H. M. dan Albrecht, S. L. (1984). *Social science research methods*. New Jersey: Prentice-Hall.

Moore, K. D. (2001). *Classroom teaching skills*. London: MacGraw-Hil

Biodata Pengkaji:

- 1) Khairuddin bin Said merupakan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis. Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran pada tahun 2009 dari Universiti Malaya.

- 2) Kamarrul Arifin bin Abdul Rahman merupakan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana pada tahun 2009 dari Universiti Malaya.
- 3) Abd Jamil bin Sabdin merupakan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis.